



---

## **PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 8 TAHUN 2020**

---

**PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI PADA SEMESTER II SESI  
2019/2020 DAN SEMESTER KHAS SESI 2019/2020  
DI UNIVERISITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar  
**28 APRIL 2020**

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)  
Pegawai-Pegawai Kanan  
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.12.04/100-3/14 ( 22 )

28 April 2020

## **PEKELILING AKADEMIK BIL. 8/2020**

### **PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI PADA SEMESTER II SESI 2019/2020 DAN SEMESTER KHAS SESI 2019/2020 DI UNIVERISITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

#### **1.0 TUJUAN**

Pekeliling Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf dan pelajar mengenai pelaksanaan Latihan Industri (LI) kepada pelajar UTeM pada Semester II Sesi 2019/2020 dan Semester Khas Sesi 2019/2020.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pihak Universiti telah mengeluarkan Surat Pemakluman Kebenaran kepada semua Syarikat / Industri / Agensi yang bertarikh 18 Mac 2020 dan juga Notis Arahan Dalaman Bilangan 2 bertarikh 29 Mac 2020 bahawa pihak UTeM tidak mempunyai halangan sekiranya pelajar yang sedang mengikuti LI boleh diberi cuti atau menangguhkan sesi LI dalam tempoh PKP sehingga tamat tempoh PKP yang akan diumumkan oleh Kerajaan Malaysia.
- 2.2 Sehubungan dengan persetujuan Senat Universiti untuk melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara atas talian mulai 04 Mei 2020, Mesyuarat Senat juga secara edaran pada 23 April 2020 telah bersetuju dan meluluskan pelaksanaan Latihan Industri (LI) kepada pelajar yang mengikuti program akademik ini pada Semester II Sesi 2019/2020 dan yang akan menjalani LI pada Semester Khas Sesi 2019/2020.
- 2.3 Pelajar yang sedang menjalani Latihan Industri pada Semester II Sesi 2019 / 2020 adalah terdiri daripada pelajar Sarjana Muda Tahun 3 dan Tahun 4 dari FTKMP, FTKEE, FKEKK, FTMK dan FPTT.

- 2.4 Sementara itu, pelajar akan menjalani Latihan Industri pada Semester Khas Sesi 2019 / 2020 adalah terdiri daripada pelajar Sarjana Muda Tahun 3 dari Fakulti Kejuruteraan (FKE, FKEKK, FKM dan FKP) dan juga pelajar Diploma Tahun 2, FTMK.
- 2.5 Fakulti dan pelajar perlu merujuk kepada **Pekeliling Akademik Bilangan 5 / 2020 : Pindaan Ketiga Kalendar Akademik Semester II Sesi 2019/2020 Dan Tarikh Pendaftaran Pelajar Sesi Akademik 2020/2021 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)** bertarikh 23 April 2020 bagi memastikan tarikh pelaksanaan LI masing-masing.

### **3.0 KAEDAH PELAKSANAAN BAGI PELAJAR YANG MENGIKUTI LATIHAN INDUSTRI PADA SEMESTER II SESI 2019 / 2020**

- 3.1 Bagi pelajar yang masih menjalani LI (sebagai contoh – dengan *essential services*) dalam tempoh PKP, tempoh LI bagi pelajar adalah seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Akademik UTeM.
- 3.2 Pelajar dibenarkan menjalani LI secara Bekerja-dari-rumah (*Work-from-home*), sekiranya mendapat arahan rasmi daripada syarikat dan mendapat persetujuan Universiti sepanjang tempoh PKP ini sahaja. Tempoh LI bagi pelajar juga tidak berubah.
- 3.3 Bagi pelajar FTKEE dan FTKMP, semua pelajar diwajibkan menjalani keseluruhan tempoh Latihan Industri yang ditetapkan oleh Universiti seperti mana yang ditetapkan iaitu selama 24 minggu dan pelajar FKEKK selama 10 minggu. Tempoh ini kekal walaupun pelajar diberi cuti kerana tempoh PKP atau diberhentikan.
- 3.4 Bagi pelajar FPTT dan FTMK yang sedang menjalani LI dan diberi cuti akibat tempoh PKP, disarankan menjalani Latihan Industri sekurang-kurangnya memenuhi tempoh minima 70 peratus hingga 80 peratus atau 17 minggu hingga 20 minggu sahaja daripada yang sepatutnya dan perlu mendapat pengesahan Jawatankuasa LI Fakulti masing-masing.

- 3.5 Bagi semua Fakulti yang terlibat, pelajar LI yang telah diberhentikan oleh Syarikat / Industri / Agensi masing-masing dalam tempoh PKP, boleh dipertimbangkan untuk menjalani LI di UTeM sekiranya bersesuaian.
- 3.6 Penerangan mengenai Pelaksanaan Latihan Industri pada Semester II Sesi 2019/2020 bagi FTKEE, FTKMP, FKEKK, FTMK dan FPTT adalah seperti di **Lampiran 1**.

#### **4.0 KAEDAH PELAKSANAAN BAGI PELAJAR YANG MENGIKUTI LATIHAN INDUSTRI PADA SEMESTER KHAS SESI 2019 / 2020**

- 4.1 Bagi pelajar Sarjana Muda FKE, FKEKK, FKM dan FKP, semua pelajar diwajibkan menjalani keseluruhan tempoh LI yang ditetapkan oleh Universiti iaitu selama 10 minggu.
- 4.2 Sekiranya LI tidak dapat dilaksanakan pada Semester Khas Sesi 2019/2020 kerana tempoh PKP dipanjangkan oleh Kerajaan Malaysia ataupun tidak mendapat tempat yang sesuai, pelaksanaan LI bagi pelajar ini perlu ditangguhkan kepada Semester Akhir Pengajian atau sekurang-kurangnya selepas Semester I Sesi 2020/2021 (bagi pelajar Diploma FTMK sahaja).
- 4.3 Bagi pelajar Diploma FTMK, pelajar boleh menjalani LI sekurang-kurangnya memenuhi tempoh minima 70 peratus hingga 80 peratus atau 7 minggu hingga 8 minggu sahaja daripada yang sepatutnya dan perlu mendapat pengesahan Jawatankuasa LI Fakulti masing-masing.
- 4.4 Pelajar yang tidak mendapat tempat untuk menjalankan Latihan Industri disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) boleh dipertimbangkan untuk menjalani LI di UTeM sekiranya bersesuaian.
- 4.5 Penerangan mengenai Pelaksanaan Latihan Industri pada Semester Khas Sesi 2019/2020 bagi pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan (FKE / FKEKK / FKM / FKP) dan Diploma FTMK adalah seperti di **Lampiran 2**.

## 5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pelaksanaan Latihan Industri dalam tempoh PKP pada Semester II Sesi 2019/2020 dan Semester Khas Sesi 2019/2020 kepada pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ini berkuat kuasa mulai **23 April 2020**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**MASDZARIF BIN MAHAT**  
Ketua Pegawai Operasi  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**Lampiran 1: Pelaksanaan Latihan Industri Semester II Sesi 2019/2020 bagi FTKEE, FTKMP, FKEKK, FTMK dan FPTT**

Bil.	Kategori	FTKEE / FTKMP	FTMK / FPTT
	<b>Pelaksanaan Latihan Industri sekiranya PKP tamat pada 12 Mei 2020 atau mana-mana Tempoh Perlanjutan yang ditetapkan oleh Kerajaan</b>		
1.	Sedang Bekerja	<p>LI diteruskan sehingga tamat tempoh LI.</p> <p><b>Tempoh: 10 Februari 2020 sehingga 24 Julai 2020</b></p> <p>Pihak syarikat perlu mengeluarkan surat rasmi kepada Fakulti bagi memastikan pelajar telah cukup 24 minggu LI dan boleh tamat LI pada 24 Julai 2020.</p>	<p>LI diteruskan sehingga tamat tempoh LI.</p> <p><b>Tempoh: 10 Februari 2020 sehingga 24 Julai 2020</b></p> <p>Pihak syarikat perlu mengeluarkan surat rasmi kepada Fakulti bagi memastikan pelajar telah cukup 24 minggu LI dan boleh tamat LI pada 24 Julai 2020.</p>
2.	Bekerja-dari-rumah ( <i>Work-From-Home, WFH</i> )	<p>Latihan Industri secara <i>WFH</i>, atas arahan syarikat dan persetujuan Fakulti dibenarkan sepanjang tempoh PKP sahaja.</p> <p><b>Tempoh: 10 Februari 2020 sehingga 24 Julai 2020</b></p> <p>Pihak syarikat perlu mengeluarkan surat rasmi kepada Fakulti bagi memastikan pelajar telah cukup 24 minggu LI dan boleh tamat LI pada 24 Julai 2020.</p>	<p>Latihan Industri secara <i>WFH</i>, atas arahan syarikat dan persetujuan Fakulti dibenarkan sepanjang tempoh PKP sahaja.</p> <p><b>Tempoh: 10 Februari 2020 sehingga 24 Julai 2020</b></p> <p>Pihak syarikat perlu mengeluarkan surat rasmi kepada Fakulti bagi memastikan pelajar telah cukup 24 minggu LI dan boleh tamat LI pada 24 Julai 2020.</p>
3.	Cuti kerana PKP – Industri masih aktif	<p>LI disambung pada 13 Mei 2020 atau mana-mana Tempoh Perlanjutan yang ditetapkan oleh Kerajaan sehingga tamat tempoh. Tempoh dianjakkan selaras dengan tempoh PKP.</p> <p><b>Tamat pada suatu tarikh yang ditentukan oleh Jawatankuasa LI Fakulti untuk mencukupi tempoh 24 minggu.</b></p>	<p>LI disambung pada 13 Mei 2020 atau mana-mana Tempoh Perlanjutan yang ditetapkan oleh Kerajaan sehingga suatu <b>tarikh yang ditentukan oleh Jawatankuasa LI Fakulti yang memenuhi 70% (17 Minggu) – 80% (19 Minggu) tempoh LI.</b></p>

Bil.	Kategori	FTKEE / FTKMP	FTMK / FPTT
4.	Cuti kerana PKP – Industri tutup / pelajar diberhentikan	<p>Pelajar– pelajar wajib mendapatkan tempat baru.</p> <p>Fakulti– membantu pelajar untuk mencari tempat LI baru yang bersesuaian selepas tarikh ditamatkan di syarikat semasa.</p> <p>Jawatankuasa LI Fakulti akan mengesahkan tempoh Latihan LI disambung mesti memenuhi tempoh 24 minggu.</p>	<p>Pelajar– pelajar wajib mendapatkan tempat baru.</p> <p>Fakulti– membantu pelajar untuk mencari tempat LI baru yang bersesuaian selepas tarikh ditamatkan di syarikat semasa.</p> <p>Jawatankuasa LI Fakulti akan mengesahkan tempoh Latihan LI disambung sehingga memenuhi 70 – 80% daripada tempoh LI.</p>
<b>Sekiranya terdapat Pelanjutan PKP sehingga Jun / Julai / Ogos 2020</b>			
5.	<p>Cuti kerana PKP – Industri masih aktif / Industri tutup / diberhentikan</p> <p>PKP dilanjutkan sehingga Jun / Julai / Ogos 2020</p>	<p>Perlu meneruskan LI di tempat baru / tempat sedia ada sehingga mencapai 24 minggu tempoh Latihan Industri.</p> <p>Jawatankuasa LI Fakulti akan mengesahkan tempoh LI disambung mesti memenuhi tempoh 24 minggu.</p>	<p>Perlu meneruskan LI di tempat baru / tempat sedia ada sehingga mencapai <b>minimum 70% - 80% daripada tempoh LI. (17 minggu – 19 minggu).</b></p> <p>Jawatankuasa LI Fakulti akan mengesahkan tempoh LI.</p>
<b>Panduan Dokumen Rujukan</b>			
6.	Dokumen rujukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Guiding Principles On Teaching-Learning And Assessment Implementation During Covid19 Pandemic</i> bertarikh 31 Mac 2020 oleh EAC / ETAC.</li> <li>• Manual akreditasi program masing-masing.</li> <li>• Memenuhi Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015 UTeM.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pengerakan COVID-19 bertarikh 29 Mac 2020 oleh MQA.</li> <li>• Program Standard masing-masing.</li> <li>• Memenuhi Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015 UTeM.</li> </ul>

Nota: Pelajar FKEKK juga merujuk kepada Jadual Pelaksanaan Latihan Industri ini tetapi tempoh LI adalah 10 minggu sahaja.

**Lampiran 2: Pelaksanaan Latihan Industri Semester Khas Sesi 2019/2020 bagi pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan (FKE / FKEKK / FKM / FKP) dan Diploma FTMK**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>FKE / FKEKK / FKM / FKP (Sarjana Muda Kejuruteraan)</b>	<b>FTMK (Diploma)</b>
1.	<p>PKP tamat pada 12 Mei 2020 atau mana-mana Tempoh Perlanjutan yang ditetapkan oleh Kerajaan</p> <p><i>(Merujuk Kalendar Akademik UTeM yang baharu)</i></p>	<p>Teruskan Perancangan Pelaksanaan Latihan Industri.</p> <p>10 minggu bermula pada <b>Minggu 1 Semester Khas Sesi 2019/2020 (Rujuk Kalendar Akademik yang terbaru).</b></p> <p>Sekiranya tiada tempat yang bersesuaian sehingga tamat Semester, perlu dilaksanakan pada <b>Semester Akhir Pengajian.</b></p>	<p>Teruskan Perancangan Pelaksanaan Latihan Industri.</p> <p>10 minggu bermula pada <b>Minggu 1 Semester Khas Sesi 2019/2020. (Rujuk Kalendar Akademik yang terbaru).</b></p> <p>Boleh mengambilkira tempoh 70% - 80% bagi tempoh Latihan Industri. (7 minggu – 8 minggu).</p> <p>Jawatankuasa LI Fakulti akan mengesahkan tempoh LI.</p>
2.	<p>Sekiranya terdapat pelanjutan PKP sehingga Ogos 2020</p>	<p>Pelaksanaan Latihan Industri pada <b>Semester Akhir Pengajian. (Semester Khas Sesi 2020/2021).</b></p>	<p>Pelaksanaan Latihan Industri <b>selepas Peperiksaan Semester I Sesi 2020/2021</b>, iaitu seramai 152 orang pelajar bagi menamatkan pengajian pelajar lebih awal.</p> <p>Boleh mengambilkira tempoh minimum tempoh latihan iaitu 70% - 80% bagi tempoh Latihan Industri. (7 Minggu – 8 Minggu).</p> <p>Jawatankuasa LI Fakulti akan mengesahkan tempoh LI.</p> <p>Oleh itu, daripada jumlah ini, pelajar yang layak boleh memohon untuk meneruskan pengajian ke Program Sarjana Muda pada Kemasukan Semester II Sesi 2020/2021. Permohonan tertakluk kepada syarat-syarat kemasukan Universiti.</p>



Bil	Perkara	FKE / FKEKK / FKM / FKP (Sarjana Muda Kejuruteraan)	FTMK (Diploma)
3.	Panduan Dokumen Rujukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Guiding Principles On Teaching-Learning And Assessment Implementation During Covid19 Pandemic</i> bertarikh 31 Mac 2020 oleh EAC / ETAC.</li> <li>• Manual akreditasi program masing-masing.</li> <li>• Memenuhi Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015 UTeM.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pengerakan COVID19 bertarikh 29 Mac 2020 oleh MQA</li> <li>• Program Standard masing-masing.</li> <li>• Memenuhi Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015 UTeM.</li> </ul>